

16 Mei iktiraf sumbangan guru mendidik anak bangsa

Hari istimewa untuk guru baru saja berlalu tetapi tetap segar dalam ingatan. Setiap tahun, pada 16 Mei, semua pelajar sekolah di Malaysia akan menyambut Hari Guru. Tidak kiralah pelajar sekolah menengah mahupun sekolah rendah, semua akan menyambutnya dengan meriah.

Hari Guru disambut sebagai tanda menghargai usaha guru yang bertungkus-lumus mendidik anak bangsa menjadi manusia berjaya dari segi rohani dan jasmani. Tanpa pengorbanan guru, ramai yang akan tercicir daripada landasan yang betul.

Jika diimbaz kembali, apabila tibanya sambutan hari guru peringkat sekolah, pelajar akan memberi hadiah yang pelbagai untuk guru mereka sebagai tanda terima kasih.

Tetapi, hakikatnya, semua guru hanya ingin melihat pelajar mereka berjaya dalam hidup. Itulah hadiah sebenar bagi seorang insan yang digelar pendidik.

Guru sebagai pembimbing

Tema hari guru pada tahun ini, 'Guru: Pencetus Kreativiti, Penjana Inovasi' adalah tema yang bertepatan dengan keadaan guru sekarang. Ini kerana tugas guru bukan sahaja mengajar silibus mata pelajaran dalam kelas, bahkan sebagai pembimbing bagi pelajar untuk maju dan berjaya pada masa depan.

Apabila difikirkan kembali, cabaran sebagai guru pada masa sekarang sangat besar dan mencabar kerana ia memerlukan pengorbanan guru itu sendiri. Bayangkan seorang guru sanggup menghabiskan masa membuat kelas tambahan untuk anak-anak muridnya supaya apa yang dipelajari dapat diingati.

Selain itu, guru juga terpaksa menahan sabar dengan kerenah pelajar tertentu yang sedikit bermasalah. Jika seorang guru itu tidak bertindak profesional, pasti akan mendatangkan masalah yang besar.

Tetapi, boleh dikatakan bahawa guru adalah insan yang tabah lagi profesional kerana dapat mengawal keadaan. Buat guru di luar sana, terima kasih tidak terhingga kerana dapat melahirkan insan yang hebat sehingga menjadi Perdana Menteri, ketua syarikat, angkasawan dan ramai lagi tokoh hebat.

Selamat Hari Guru diucapkan kepada semua guru yang telah banyak berjasa kepada anak bangsa kita!

Muhammad Lutfi Mohamad,
Universiti Sains Islam Malaysia.

“Guru juga terpaksa menahan sabar dengan kerenah pelajar tertentu yang sedikit bermasalah. Jika seorang guru itu tidak bertindak profesional, pasti akan mendatangkan masalah yang besar”